



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**KAEDAH PENGAJIAN
PRASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
BAHAGIAN 1- PERMULAAN		
1.1	Tajuk Ringkas, Pemakaian Dan Permulaan Kuat Kuasa	1
1.2	Pemansuhan	1
1.3	Tafsiran	1
BAHAGIAN 2 – KEMASUKAN KE UNIVERSITI		
2.1	Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Muda	3
2.2	Status Pelajar.....	4
BAHAGIAN 3- STRUKTUR PROGRAM		
3.1	Komponen Kursus	5
3.2	Tempoh Pengajian Yang Dibenarkan	5
3.3	Jumlah Jam Kredit Untuk Bergraduati	5
3.4	Penangguhan Pengajian Kerana Masalah Kesihatan	5
3.5	Penangguhan Pengajian Selain Masalah Kesihatan	6
3.6	Penggantungan Pengajian Di Bawah Seksyen 15D AUKU	6
BAHAGIAN 4- PENDAFTARAN		
4.1	Pendaftaran Kursus	6
4.2	Pendaftaran Lewat	7
4.3	Jumlah Kredit Yang Perlu Diambil Pada Setiap Semester	7
4.4	Tempoh Gugur Dan/Atau Tambah Kursus	7
4.5	Tempoh Tarik Diri Dari kursus	8
4.6	Pendaftaran Semester Pendek	8
4.7	Pendaftaran Kursus Ulangan	8
4.8	Pengecualian Kepada Program Doktor Perubatan	8
BAHAGIAN 5- PEMINDAHAN KREDIT		
5.1	Permohonan Pemindahan Kredit	8
5.2	Pengecualian Kepada Program Perubatan	10
BAHAGIAN 6- PENGECUALIAN KURSUS		
6.1	Permohonan Pengecualian Kursus	10
BAHAGIAN 7- PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN		
7.1	Pertukaran Program Pengajian	11
BAHAGIAN 8- PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN		
8.1	Penilaian	12
8.2	Keperluan Peperiksaan	12
8.3	Penangguhan Peperiksaan Akhir	12
8.4	Peperiksaan Gantian	13
8.5	Penyerahan Laporan Praktikum/ Ilmiah/ Industri/ latihan Mengajar/ Projek	13
8.6	Peperiksaan Ulangan Khas	13
8.7	Keputusan Penilaian Dan Peperiksaan Akhir	14
8.8	Semakan Semula Gred Kursus	14

BAHAGIAN 9– NILAI GRED DAN STATUS

9.1	Gred Dan Nilai Gred	15
9.2	Kod Status Tanpa Nilai Gred	16

BAHAGIAN 10- PURATA NILAI GRED

10.1	Pengiraan PNGK Dan PNGS	17
10.2	Kaedah Pengiraan Purata Nilai Gred	18

BAHAGIAN 11- STATUS PENGAJIAN PELAJAR

11.1	Status Pengajian Yang Diberikan Kepada Pelajar	18
11.2	Lulus	18
11.3	Tempoh Percubaan	18
11.4	Lulus Bersyarat	19
11.5	Gagal Dan Berhenti	19
11.6	Tarik Diri Dan Diberhentikan Dari Pengajian	19
11.7	Rayuan Meneruskan Pengajian	20

BAHAGIAN 12- PENGURNIAAN IJAZAH SARJANA MUDA

12.1	Syarat Pengurniaan Ijazah	21
12.2	Syarat Pengurniaan Ijazah Posthumus	21
12.3	Pengelasan Ijazah	21

BAHAGIAN 13- PERUNTUKAN PENGECUALIAN DAN PERALIHAN

13.1	Tafsiran	22
13.2	Kesahan Tindakan Oleh Universiti	22
13.3	Hak, Dsb. Pihak Berkuasa Dan Pegawai Universiti Tidak Terjejas	22
13.4	Kuasa Yang Diwakilkan	23
13.5	Kecualian Peraturan, Dsb.	23
13.6	Pelajar Universiti	23

BAHAGIAN 14– AM

14.1	Am	23
	JADUAL 1 (<i>Subkaedah 9.1.3</i>)	24

KAEDAH PENGAJIAN PRASISWAZAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2014

Suatu kaedah untuk menyelaraskan, mengurus, menyelia dan mentadbir hal ehwal akademik bagi program pengajian yang membawa kepada Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Sabah dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 37 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A)460/2010), Lembaga setelah dicadangkan oleh Senat membuat kaedah yang berikut:

BAHAGIAN 1- PERMULAAN

1.1 Tajuk Ringkas, Pemakaian Dan Permulaan Kuat Kuasa

- 1.1.1 Kaedah ini dinamakan Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah 2014 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Senat.
- 1.1.2 Kaedah ini hendaklah terpakai kepada program pengajian yang membawa kepada pengurniaan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Perubatan.

1.2 Pemansuhan

- 1.2.1 Peraturan Pengajian Prasiswazah yang diluluskan oleh Senat dan juga pindaan-pindaan dibuat selepas itu sebelum tarikh kuat kuasa Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah adalah dengan ini dimansuhkan.

1.3 Tafsiran

- 1.3.1 Dalam Kaedah ini –

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];

“Guru” ertinya seperti tafsiran “guru” di dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A)460/2010);

“Ijazah Posthumus” ertinya ijazah yang diberikan kepada pelajar yang telah meninggal dunia semasa masih dalam pengajian;

“Kecurangan Akademik” ertinya kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di bawah Kaedah 6 (Larangan terhadap plagiarisme) dan Kaedah 8 (Kelakuan semasa peperiksaan) Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 [P.U (A) 210/1999];

“Konvokesyen” ertinya seperti tafsiran “Konvokesyen” di dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah (P.U.(A)460/2010);

“Kredit” ertinya bermaksud ukuran nilai beban yang berasaskan jumlah jam yang diambil oleh pelajar untuk mencapai sesuatu set hasil pembelajaran. Bagi satu (1) unit kredit adalah bersamaan dengan empat puluh (40) jam belajar pelajar (JBP) atau *“Student Learning Time”* (SLT) setara selama satu semester pengajian (14 minggu);

“Kursus Teras Universiti” ertinya kursus yang ditawarkan pada peringkat Universiti dan diwajibkan kepada semua pelajar untuk lulus bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda;

“Kursus Teras Fakulti” ertinya kursus asas yang ditawarkan pada peringkat Fakulti dan diwajibkan kepada semua pelajar Fakulti berkenaan untuk lulus bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda;

“Kursus Teras Program” ertinya kursus asas yang ditawarkan pada peringkat program dan diwajibkan kepada semua pelajar program berkenaan untuk lulus bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda;

“Kursus Minor” ertinya kursus yang boleh diambil oleh pelajar dari mana-mana program Ijazah Sarjana Muda Universiti seperti yang ditetapkan oleh Fakulti;

“Kursus Elektif” ertinya kursus pilihan yang ditawarkan pada peringkat program seperti yang ditetapkan oleh Fakulti;

“Kursus Audit” ertinya kursus yang diikuti oleh pelajar tetapi tidak menyumbang kepada pengiraan jam kredit;

“Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di sesuatu institusi pengajian yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat praijazah dalam, oleh atau dari Universiti dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus dan pertukaran;

“Penasihat Akademik Pelajar” ertinya guru yang dilantik oleh Dekan Fakulti berkenaan untuk menjalankan tugas membimbing pelajar dalam hal ehwal akademik sepanjang pengajian;

“Penangguhan Pengajian” ertinya pengajian pelajar ditangguhkan di atas apa-apa sebab;

“Pengecualian Kursus” ertinya proses pengecualian kredit berdasarkan Bahagian 6 dalam Kaedah ini; (**Pindaan Mesyuarat Senat 1/2015**).

“Penilaian” ertinya sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus yang diambil oleh pelajar (sama ada berbentuk kuiz, ujian, ujian pertengahan semester, tugas, kerja kursus atau sebagainya) yang ditetapkan oleh Fakulti;

“Peperiksaan Akhir” ertinya peperiksaan yang dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan di akhir setiap semester;

“PNGK” ertinya purata mata nilai gred kumulatif yang diperoleh oleh pelajar bagi semua semester yang telah diikutinya;

“PNGS” ertinya purata mata nilai gred yang diperoleh oleh pelajar bagi sesuatu semester;

“Fakulti/Pusat/Institut” ertinya institusi akademik di Universiti yang menawarkan kursus-kursus akademik yang diikuti oleh pelajar sepanjang pengajiannya di Universiti;

“Semester” ertinya tempoh pengajian tertentu di dalam sesuatu sesi yang terdiri daripada semester biasa dan semester pendek;

“**Semester Biasa**” ertinya tempoh pengajian di dalam sesuatu sesi yang mengandungi 14 minggu kuliah;

“**Semester Pendek**” ertinya suatu tempoh pengajian yang ditetapkan oleh Fakulti di luar Semester Biasa bagi tempoh 9 minggu sahaja;

“**semakan semula gred kursus**” ertinya pengiraan kembali markah keseluruhan penilaian pelajar (projek, kuiz, tugasan, peperiksaan pertengahan semester dan sebagainya) termasuk skrip jawapan peperiksaan akhir;

“**Senat**” ertinya Senat Universiti Malaysia Sabah;

“**sesi**” ertinya suatu tempoh pengajian yang mengandungi dua (2) semester biasa dan satu (1) semester pendek;

“**Sistem Maklumat Pelajar**” ertinya sistem rekod pelajar bagi urusan hal ehwal berkaitan pengajiannya;

“**Struktur Program**” ertinya komponen kurikulum dan tempoh pengajian yang mengandungi kursus yang ditetapkan untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda;

“**Tempoh Pengajian**” ertinya suatu tempoh yang ditetapkan untuk pelajar memenuhi semua syarat keperluan pengajian bagi tujuan pengijazahan;

“**Universiti**” ertinya Universiti Malaysia Sabah.

BAHAGIAN 2 – KEMASUKAN KE UNIVERSITI

2.1 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Muda

2.1.1 Calon yang ingin mengikuti program pengajian prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah hendaklah memenuhi syarat-syarat am berikut:

- (a) lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) mendapat kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM; dan
- (c) lulus-
 - (i) peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dengan sekurang-kurangnya mendapat gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am dan gred C (NGMP 2.00) dua (2) mata pelajaran lain; atau
 - (ii) Program Persediaan Sains Dan Teknologi (PPST) Universiti Malaysia Sabah atau program Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
 - (iii) kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat; dan

(d) telah menduduki Malaysian University English Test (MUET) dan mendapat sekurang-kurangnya Band 1;

atau

(e) apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

2.1.2 Walau apapun ketetapan pada kaedah 2.1.1, Senat boleh menetapkan syarat-syarat khas bagi kemasukan ke setiap program pengajian.

2.1.3 Seseorang yang mendapat pendidikan di luar Malaysia boleh memohon untuk mengikuti program pengajian prasiswazah di Universiti mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh Senat.

2.1.4 Senarai calon yang ditawarkan mengikuti program pengajian prasiswazah di Universiti hendaklah disahkan oleh Senat.

2.1.5 Senat boleh pada bila-bila masa membatalkan tawaran kemasukan pelajar atau membatalkan status pelajar sekiranya terbukti pemohon atau pelajar mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat palsu.

2.2 Status Pelajar

2.2.1 Calon yang telah mendaftar mengikut cara yang ditetapkan oleh Universiti akan diberi status sebagai pelajar.

2.2.2 Pelajar akan diberi status aktif jika pelajar mendaftar kursus yang ditetapkan dalam struktur pengajian dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti dan mengikuti proses pembelajaran seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.

2.2.3 Pelajar akan diberi status tidak aktif jika -

(a) digantung pengajian mengikut Kaedah 3.6; atau

(b) menanggung pengajian mengikut Kaedah 3.4 atau 3.5; atau

(c) tidak mendaftar kursus pada tempoh yang ditetapkan.

2.2.4 Pelajar akan hilang status sebagai pelajar jika -

(a) menarik diri dari pengajian; atau

(b) tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti; atau

(c) mendapat status "Gagal dan Berhenti" di bawah Kaedah 11.5; atau

(d) dibuang dari Universiti atas tindakan tatatertib.

2.2.5 Seseorang pelajar yang mendapat status tidak aktif atau hilang status sebagai pelajar tidak lagi berhak menerima kemudahan sebagai pelajar .

BAHAGIAN 3- STRUKTUR PROGRAM

3.1 Komponen Kursus

- 3.1.1 Pelajar hendaklah mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada Kursus Teras Universiti (termasuk Bahasa dan Ko-Kurikulum), Kursus Teras Fakulti, Kursus Teras Program, Kursus Minor dan/atau Kursus Elektif.

3.2 Tempoh Pengajian Yang Dibenarkan

- 3.2.1 Pelajar hendaklah mengikuti program pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Senat.
- 3.2.2 Tempoh pengajian yang ditetapkan hendaklah dikira dari tarikh pendaftaran pertama termasuklah tempoh penangguhan pengajian kerana gagal mendaftar dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan atau dikenakan penggantungan pengajian kerana tindakan tatatertib Universiti.
- 3.2.3 Senat boleh menimbangkan pelanjutan tempoh pengajian yang dibenarkan jika pelajar mempunyai alasan yang munasabah.

3.3 Jumlah Jam Kredit Untuk Bergraduat

- 3.3.1 Pelajar hendaklah lulus sejumlah jam kredit (minimum 120 jam kredit) mengikut struktur pengajian seperti yang ditetapkan oleh Senat.

3.4 Penangguhan Pengajian Kerana Masalah Kesihatan

- 3.4.1 Permohonan untuk penangguhan pengajian bagi sesuatu semester hendaklah dimajukan kepada Dekan Fakulti untuk pertimbangan. Kelulusan penangguhan pengajian adalah berdasarkan semester ke semester dan tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut.
- 3.4.2 Pelajar yang sakit boleh diberi penangguhan pengajian tertakluk kepada perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan. Dalam kes pelajar yang mengalami gangguan mental, kebenaran untuk menangguhkan pengajian adalah tertakluk kepada perakuan Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan yang berkenaan.
- 3.4.3 Ibu bapa atau waris seseorang pelajar yang menghadapi masalah kesihatan yang berpanjangan, boleh memohon bagi pihak pelajar berkenaan dengan menyertakan perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan kepada Dekan Fakulti pelajar itu untuk menangguhkan pengajian bagi sesuatu semester dalam tempoh yang munasabah.
- 3.4.4 Selepas kelulusan penangguhan diberikan, semua kursus yang telah didaftar pada semester berkenaan akan terbatal.
- 3.4.5 Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan melebihi 2 semester berturut-turut, hendaklah dirujuk kepada lembaga perubatan universiti. Senat akan membuat keputusan berdasarkan kepada syor lembaga perubatan.

- 3.4.6 Tempoh penangguhan pengajian di bawah yang diluluskan di bawah kaedah 3.4 ini tidak akan diambil kira sebagai tempoh pengajian yang dibenarkan mengikut kaedah 3.2.1 dan 3.2.2.

3.5 Penangguhan Pengajian Selain Masalah Kesihatan

- 3.5.1 Pelajar yang menghadapi masalah selain daripada yang dinyatakan pada kaedah 3.4 boleh memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti berkenaan untuk menangguhkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3.5.2 Kelulusan penangguhan pengajian adalah tidak melebihi satu (1) semester sahaja.
- 3.5.3 Sekiranya pelajar memerlukan penangguhan melebihi satu (1) semester berturut-turut, hendaklah dirujuk kepada Senat untuk pertimbangan.
- 3.5.4 Selepas kelulusan penangguhan diberikan, semua kursus yang telah didaftar pada semester berkenaan akan terbatal.
- 3.5.5 Tempoh penangguhan pengajian yang diluluskan di bawah kaedah 3.5 ini tidak akan diambil kira sebagai tempoh pengajian yang dibenarkan mengikut kaedah 3.2.1 dan 3.2.2.

3.6 Penggantungan Pengajian Di Bawah Seksyen 15D AUKU

- 3.6.1 Tempoh semester yang terlibat dengan penggantungan pengajian di bawah subseksyen 15D (1) dan (7) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) hendaklah tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan untuk bergraduasi.

BAHAGIAN 4- PENDAFTARAN

4.1 Pendaftaran Kursus

- 4.1.1 Pelajar hendaklah mendaftar semua kursus yang diambil pada setiap semester.
- 4.1.2 Selain daripada pelajar baharu, pra pendaftaran kursus bagi mana-mana semester hendaklah dibuat pada minggu kesepuluh dan kesebelas pada semester sebelumnya mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Universiti.
- 4.1.3 Pendaftaran kursus pada kaedah 4.1.2 hendaklah disahkan pada minggu pertama semester berikutnya.
- 4.1.4 Pelajar yang gagal mengesahkan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan akan dianggap tidak mendaftar kursus.
- 4.1.5 Semua kursus yang telah didaftar pada sesuatu semester akan dibatalkan sekiranya pelajar telah diluluskan untuk menangguhkan pengajian pada semester berkenaan di bawah kaedah 3.4, 3.5 dan 3.6.

- 4.1.6 Pelajar yang mendapat PNGK di bawah 2.30 hendaklah berbincang dengan Penasihat Akademik Pelajar dan mendapat kebenaran Dekan Fakulti sebelum pelajar tersebut membuat sebarang pengesahan pendaftaran kursus.

4.2 Pendaftaran Lewat

- 4.2.1 Pelajar yang tidak mematuhi kaedah 4.1 hendaklah membayar denda sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus yang ingin didaftarkan sebelum mendapatkan kelulusan Dekan.
- 4.2.2 Pelajar yang telah terhalang daripada membuat pendaftaran kursus, atas apa-apa sebab yang diperuntukkan di dalam kaedah ini atau apa-apa kaedah lain yang berkaitan, adalah dianggap tidak mendaftar dan pelajar itu dianggap sebagai tangguh pengajian.
- 4.2.3 Status tangguh pengajian yang diberikan mengikut kaedah 4.2.2 akan diambil kira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.

4.3 Jumlah Kredit Yang Perlu Diambil Pada Setiap Semester

- 4.3.1 Pelajar hendaklah mendaftar tidak kurang daripada dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh satu (21) kredit pada setiap semester atau sejumlah kredit yang dibenarkan oleh Dekan Fakulti.
- 4.3.2 Kiraan had kredit adalah tidak termasuk kursus Latihan Industri/Mengajar/Klinikal/Praktikum.
- 4.3.3 Walau bagaimanapun pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.30 hendaklah mengambil tidak lebih daripada 15 jam kredit kecuali mendapat kebenaran Dekan Fakulti.

4.4 Tempoh Gugur Dan/Atau Tambah Kursus

- 4.4.1 Pelajar boleh membuat proses gugur dan/atau tambah kursus dalam tempoh tiga (3) minggu pertama setiap semester.
- 4.4.2 Pelajar yang ingin membuat perubahan pendaftaran kursus selepas tempoh yang dinyatakan pada Kaedah 4.4.1 akan dikenakan denda sebanyak minimum RM50.00 sehingga RM300.00 bagi setiap kursus yang didaftarkan seperti berikut: **(Pindaan Mesyuarat Senat 10/2015)**.

Bil	Minggu Pengkuliahan	Kadar Denda
1.	Minggu ke-4	RM50.00
2.	Minggu ke-5 hingga ke-6	RM100.00
3.	Minggu Ke-7 hingga ke-8	RM200.00
4.	Selepas minggu ke-9 hingga minggu ke-10	RM300.00
5.	Selepas minggu ke-10 Catatan : Jadual dan slip peperiksaan akhir dikeluarkan pada minggu ke-11 pengkuliahan.	Semua pendaftaran lewat selepas minggu ke-10 adalah tidak dibenarkan.

4.4.3 Wang denda tidak dikembalikan bagi permohonan perkara 4.4.2.

4.5 Tempoh Tarik Diri Dari kursus

4.5.1 Tempoh tarik diri dari kursus bermula dari minggu keempat sehingga minggu kelapan semester berkenaan.

4.6 Pendaftaran Semester Pendek

4.6.1 Pelajar tahun akhir boleh memohon kelulusan Dekan Fakulti untuk mengadakan semester pendek bagi tujuan mengulang kursus yang gagal pada semester pertama (1) tahun akhir pengajiannya jika tidak dapat mengulang kursus berkenaan kerana tidak ditawarkan pada semester kedua (2) berikutnya.

4.6.2 Pelajar hanya dibenarkan mendaftar tidak melebihi sembilan (9) kredit bagi tujuan mengulang kursus-kursus yang gagal sahaja.

4.6.3 Proses Gugur dan/atau tambah kursus semasa semester pendek adalah tidak dibenarkan.

4.7 Pendaftaran Kursus Ulangan

4.7.1 Pelajar yang masih berada dalam tempoh pengajian yang dibenarkan dan-

- (a) gagal dalam sesuatu kursus boleh mendaftar untuk mengulang kursus yang gagal itu atau mendaftar kursus lain bagi menggantikan kursus yang gagal itu jika kursus tersebut adalah merupakan kursus elektif atau kursus-kursus yang ditawarkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa; atau
- (b) mendapat Gred C-, D+ atau D bagi kursus yang telah diambilnya dan ingin memperbaiki gred kursus yang berkenaan boleh mendaftar untuk mengulang kursus berkenaan sahaja;

4.8 Pengecualian Kepada Program Doktor Perubatan

4.8.1 Tanpa mengira apa-apa peruntukan dalam kaedah 4.1 hingga 4.7, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan boleh menetapkan tatacara pendaftaran kursus bagi program doktor perubatan tertakluk dengan kebenaran Senat.

BAHAGIAN 5- PEMINDAHAN KREDIT

5.1 Permohonan Pemindahan Kredit

5.1.1 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda di universiti lain yang diiktiraf dan dibenarkan berpindah ke Universiti oleh Senat; atau

- (b) Pelajar yang telah mendapat kelulusan Senat bagi pertukaran program dalam Fakulti/Pusat atau antara Fakulti/Pusat seperti yang diperuntukkan dalam kaedah 7;
- (c) Pelajar yang berkelayakan Diploma Lanjutan (yang turut memiliki Diploma) yang diktiraf oleh Senat
- (d) Pelajar yang berkelayakan Diploma yang diiktiraf oleh Senat
- (e) Pelajar berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama.
- (f) Pelajar sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa mata pelajaran di Universiti yang lain.

5.1.2 Pemindahan kredit dibenarkan bagi kursus yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Bagi pelajar yang berpindah ke Universiti; **(Pindaan Mesyuarat Senat 1/2015)**
 - (i) Kursus-kursus yang hendak dipindahkan kredit hendaklah yang telah diambil di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan atau Diploma sahaja;

Atau

 - (ii) Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C pada kursus-kursus yang telah diambil di peringkat Ijazah Sarjana Muda.
- (b) Bagi pelajar yang bertukar program di dalam Universiti hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Gred D bagi kursus-kursus yang berkaitan.

5.1.3 Mata pelajaran yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan telah disenarai dalam Malaysia Qualification Registry (MQR).

5.1.4 Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat (4) minggu pertama pada semester pertama pengajiannya di Universiti.

5.1.5 Permohonan hanya dibenarkan bagi kursus yang diambil tidak lebih dari 5 tahun dari tempoh permohonan tersebut dan tertakluk kepada merit sesuatu kes.

5.1.6 Kandungan kursus yang diambil terdahulu hendaklah sekurang-kurangnya 80% setara daripada kursus yang dipohon pemindahannya di Universiti.

5.1.7 Jumlah kredit yang dibenarkan untuk pemindahan adalah seperti berikut:

- a. Tidak melebihi 30 peratus (**lebih kurang 1 tahun pengajian**) daripada jumlah kredit pengajian yang akan diikuti di Universiti bagi pelajar di bawah kaedah 5.1.1(a) dan 5.1.1(d); atau

- b. Tidak melebihi 2 tahun pengajian daripada jumlah kredit pengajian yang akan diikuti di Universiti bagi pelajar di bawah kaedah 5.1.1(c). Pelajar akan mengikuti tahun ketiga dalam program Ijazah Sarjana Muda; atau
 - c. Tiada had pemindahan kredit bagi pelajar di bawah kaedah 5.1.1 (b) dengan program pengajian yang sedang diikuti di UMS; atau
 - d. Tidak melebihi 30 peratus daripada jumlah kredit program pengajian yang sedang diikuti bagi pelajar di bawah peraturan 5.1.1(f) dan ia adalah berdasarkan persetujuan antara kedua-dua Universiti; atau
 - e. Apa-apa jumlah kredit lain yang difikirkan sesuai oleh Senat.
- 5.1.8 Senat berhak untuk menentukan kursus-kursus yang layak bagi perpindahan jam kredit.
- 5.1.9 Setiap permohonan pemindahan jam kredit akan dikenakan yuran pemprosesan sebanyak RM100.00.

5.2 Pengecualian Kepada Program Perubatan

- 5.2.1 Pelajar program perubatan tidak layak untuk memohon pemindahan kredit.

BAHAGIAN 6- PENGECCUALIAN KURSUS

6.1 Permohonan Pengecualian Kursus

- 6.1.1 Pelajar boleh memohon pengecualian kursus jika memenuhi syarat-syarat berikut :
- (a) Pelajar yang berkelulusan Diploma atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Senat;
 - (b) Pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya Gred B bagi sesuatu kursus dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat;
- 6.1.2 Permohonan pengecualian kursus hanya terpakai bagi kursus yang telah diambil dalam tempoh lima (5) tahun sebelum tarikh permohonan dibuat.
- 6.1.3 Jumlah kursus yang dibenarkan untuk pengecualian hendaklah tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah kursus pengajian yang diikuti di Universiti.
- 6.1.4 Permohonan pengecualian kursus hendaklah disertakan dengan bukti kesetaraan dengan sesuatu kursus yang ditawarkan di Universiti.
- 6.1.5 Kandungan kursus yang diambil dari institusi pengajian tinggi yang mendapat perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan telah disenarai dalam Malaysia Qualification Registry (MQR) yang terdahulu hendaklah sekurang-kurangnya 80% setara daripada kursus yang dipohon pengecualiannya di Universiti.

- 6.1.6 Senat berhak untuk menentukan kursus-kursus yang layak dikecualikan.
- 6.1.7 Pengecualian kursus tidak bererti pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan. Sekiranya pengecualian kursus itu menyebabkan keperluan kredit bergraduasi pelajar tidak mencukupi, maka pelajar perlu mengambil kursus lain yang berkaitan.
- 6.1.8 Setiap permohonan pengecualian kursus hendaklah dibuat secara bertulis dan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00.

BAHAGIAN 7- PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

7.1 Pertukaran Program Pengajian (Pindaan Mesyuarat Senat 1/2015)

- 7.1.1 Universiti boleh mempertimbangkan permohonan pelajar untuk :
- (a) pertukaran program pengajian dalam Fakulti dengan syarat:
 - (i) Pelajar berada di Semester pertama (1) tahun pertama pengajian.
 - (ii) Kelulusan tersebut berkuat kuasa pada semester berikutnya tertakluk kepada keputusan Semester pertama (1) tahun pertama pengajian.
 - (b) pertukaran program pengajian antara Fakulti dengan syarat:
 - (i) Pelajar mendapat status "Gagal dan Berhenti" bagi kali pertama dan diluluskan rayuan untuk meneruskan pengajian; atau
 - (ii) Pelajar berada di semester kedua (2) tahun pertama pengajian dengan syarat permohonan hendaklah dibuat selepas keputusan peperiksaan akhir semester pertama dikeluarkan .
 - (iii) Kelulusan tersebut berkuat kuasa pada semester berikutnya.
- 7.1.2 Pelajar yang diluluskan untuk bertukar program dalam Universiti boleh memohon pemindahan kredit tertakluk dengan kaedah 5.1.
- 7.1.3 Tempoh pengajian program asal akan diambil kira sebagai tempoh pengajian di Universiti.
- 7.1.4 Permohonan pertukaran program pengajian hendaklah dibuat secara bertulis dalam tempoh minggu pertama hingga keempat selepas keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- 7.1.5 Setiap permohonan pertukaran program pengajian akan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00.
- 7.1.6 Setiap permohonan hendaklah terlebih dahulu mendapat pertimbangan dan perakuan Fakulti asal dan kemudian Fakulti baharu.

BAHAGIAN 8- PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

8.1 Penilaian

- 8.1.1 Setiap kursus yang dijalankan hendaklah mempunyai kaedah penilaian berterusan dan/atau peperiksaan akhir.
- 8.1.2 Penilaian terhadap setiap kursus dibuat secara berterusan berdasarkan kerja kursus, peperiksaan akhir dan bentuk lain yang dibuat dalam sesuatu semester pengajian menurut kaedah yang ditentukan oleh Fakulti/Pusat tertakluk kepada kelulusan Senat.
- 8.1.3 Penilaian bagi latihan praktikum/latihan industri/ilmiah/mengajar/internship/penempatan klinikal adalah menurut kaedah yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat tertakluk kepada kelulusan senat.
- 8.1.4 Bagi kursus yang dinilai berdasarkan kerja kursus bersama peperiksaan akhir semester, wajaran kerja kursus hendaklah tidak kurang daripada 50% markah keseluruhan, manakala wajaran peperiksaan akhir hendaklah dinilai tidak kurang daripada 30% dan tidak lebih daripada 50%.
- 8.1.5 Penilaian bagi kursus yang berdasarkan kepada 100% kerja kursus boleh dilaksanakan dengan kelulusan Fakulti/Pusat.

8.2 Keperluan Peperiksaan

- 8.2.1 Dekan boleh menghalang pelajar daripada menduduki peperiksaan sekiranya pelajar dalam kursus berkenaan -
- (a) tidak menghadiri salah satu penilaian tanpa sebab munasabah; atau
 - (b) tidak hadir kuliah tanpa kebenaran Dekan.
- 8.2.2 Senat boleh menentukan apa-apa cara dan kaedah sesuatu peperiksaan akhir itu dilaksanakan.
- 8.2.3 Tanpa mengurangkan apa-apa peruntukkan di bawah kaedah 8.2.1, pelajar program doktor perubatan akan hanya dibenarkan menduduki peperiksaan setelah disahkan memenuhi semua syarat-syarat pengajian termasuk nilai dan sikap profesion perubatan.

8.3 Penangguhan Peperiksaan Akhir

- 8.3.1 Pelajar yang mengalami masalah kesihatan sewaktu peperiksaan akhir semester hendaklah memohon kepada Dekan Fakulti/Pusat berkenaan untuk menangguhkan peperiksaan. Permohonan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan diadakan. Permohonan mestilah disertakan surat pengesahan Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan.
- 8.3.2 Ibu bapa atau waris seseorang pelajar yang menghadapi masalah kesihatan kritikal semasa peperiksaan akhir boleh memohon bagi pihak pelajar berkenaan dengan menyertakan perakuan daripada Pegawai Perubatan

Universiti atau Hospital Kerajaan kepada Dekan Fakulti/Pusat berkenaan pelajar itu untuk menangguhkan peperiksaan dalam tempoh yang munasabah.

8.4 Peperiksaan Gantian

- 8.4.1 Bagi kes penangguhan pada kaedah 8.3, tarikh peperiksaan gantian akan ditetapkan mengikut kesesuaian kes.
- 8.4.2 Sekiranya pelajar masih tidak dapat hadir mengikuti peperiksaan gantian pada tarikh yang ditetapkan tanpa alasan munasabah, maka pelajar hendaklah diberi gred E bagi kursus berkenaan dan dikehendaki mendaftar semula kursus tersebut.

8.5 Penyerahan Laporan Praktikum/ Ilmiah/ Industri/ latihan Mengajar/ Projek

- 8.5.1 Pelajar yang gagal menyerahkan Laporan Praktikum/ Ilmiah/ Industri/ latihan Mengajar/ Projek pada tarikh yang ditetapkan akan diberikan gred E atau Gagal dan dikehendaki mendaftar semula untuk mengikuti praktikum/ilmiah/industri/latihan mengajar/projek berkenaan.

8.6 Peperiksaan Ulangan Khas

- 8.6.1 Pelajar yang gagal satu kursus yang diambil pada semester akhir pengajian boleh memohon untuk menduduki peperiksaan ulangan khas bagi tujuan pengijazahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut-
- (a) pelajar adalah berstatus lulus (PNGK 2.00 ke atas); dan
 - (b) Kegagalan dalam kursus tersebut bukanlah kerana disabitkan dengan kecurangan akademik ;dan
 - (c) kursus bukan berstatus X ; dan
 - (d) kursus tersebut tidak termasuk kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir.
- 8.6.2 Pelajar hendaklah membayar wang pemprosesan Peperiksaan Ulangan Khas sebanyak RM100.00 sebelum boleh menduduki Peperiksaan Ulangan Khas itu.
- 8.6.3 Peperiksaan Ulangan Khas tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh keputusan peperiksaan akhir diumumkan.
- 8.6.4 Penilaian Peperiksaan Ulangan Khas hendaklah 100% berdasarkan peperiksaan tersebut.
- 8.6.5 Keputusan yang diberikan bagi Peperiksaan Ulangan Khas hanya Lulus atau Gagal sahaja.
- 8.6.6 Kaedah 8.6.1 sehingga 8.6.5 kaedah ini tidak terpakai kepada program doktor Perubatan. Peperiksaan Ulangan bagi pelajar perubatan boleh diadakan bagi pelajar-pelajar yang mendapat nilai gred kursus kurang dari tiga (3). Untuk tahun satu (1)

dan tahun dua (2), peperiksaan ulangan itu boleh diadakan selepas sebulan dari peperiksaan akhir tahun tersebut. Peperiksaan ulangan penempatan klinikal boleh diadakan sewaktu kursus elektif di akhir tahun 3 dan awal tahun 5.

- 8.6.7 Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan boleh melaksanakan peperiksaan ulangan mengikut kaedahnya sendiri seperti yang telah diluluskan oleh Senat.
- 8.6.8 Untuk peperiksaan ulangan tahun satu dan dua di bawah kaedah 8.6.6, penilaian bagi tujuan pemberian gred adalah 100% markah peperiksaan ulangan tersebut.
- 8.6.9 Untuk peperiksaan ulangan penempatan klinikal di bawah kaedah 8.6.6, penilaian bagi tujuan pemberian gred akan mengambilkira penilaian berterusan pelajar tersebut dan keputusan yang diberikan hanya Lulus/Gagal sahaja. Pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan penempatan klinikal tidak lebih daripada 2 kali.
- 8.6.10 Pelajar yang mendapat kelulusan Lulus di bawah 8.6.9 akan diberikan nilai gred 3.00 untuk pengiraan PNGK.
- 8.6.11 Peperiksaan profesional akan dijalankan di akhir tahun 3 (Profesional I) dan tahun 5 (profesional II). Hanya pelajar yang mendapat PNGK 3.00 dan ke atas layak menduduki peperiksaan ini .
- 8.6.12 Peperiksaan ulangan profesional I dan II akan diadakan setiap 6 bulan.

8.7 Keputusan Penilaian Dan Peperiksaan Akhir

- 8.7.1 Setelah disahkan oleh Senat, pelajar akan dimaklumkan-
 - (a) keputusan gred setiap kursus;
 - (b) PNGS dan PNGK;
 - (c) status pengajian setiap semester.

8.8 Semakan Semula Gred Kursus

- 8.8.1 Pelajar, boleh membuat permohonan semakan semula gred kursus (kecuali peperiksaan ulangan khas) kepada Dekan Fakulti atau Pusat di mana kursus itu ditawarkan, dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh keputusan peperiksaan diumumkan.
- 8.8.2 Setiap permohonan semakan semula akan dikenakan bayaran pemprosesan sebanyak RM100.00 setiap kursus.
- 8.8.3 Satu jawatankuasa pemeriksaan akan ditubuhkan bagi tujuan semakan semula gred kursus.
- 8.8.4 Dekan Fakulti atau Pusat di mana kursus itu ditawarkan hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pemeriksa yang terdiri daripada:

- (a) Dekan Fakulti atau Pusat di mana kursus ditawarkan sebagai Pengerusi atau Timbalan Dekan yang menjalankan fungsi akademik dalam keadaan di mana Dekan tidak berupaya menjalankan tugasnya atau berkepentingan dalam kertas yang disemak semula;
- (b) Ketua/Penyelaras Program bagi kursus yang diambil;
- (c) Seorang (1) ahli lain yang dilantik oleh Dekan; dan
- (d) Pemeriksa asal kursus berkenaan
- (e) Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat atau Pusat sebagai Setiausaha.

8.8.5 Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memastikan keseluruhan penilaian pelajar (projek, kuiz, tugas, peperiksaan pertengahan semester dan sebagainya) termasuk skrip jawapan peperiksaan akhir dan telah disemak berdasarkan skema pemarkahan dan diberikan markah secara konsisten dan betul. Skrip jawapan kursus berkenaan tidak akan dinilai semula.

8.8.6 Keputusan Senat berhubung permohonan semakan gred kursus semula itu adalah muktamad.

BAHAGIAN 9– NILAI GRED DAN STATUS

9.1 Gred Dan Nilai Gred

9.1.1 Bagi sesuatu kursus, nilai gred adalah berdasarkan kepada jumlah markah yang diperolehi daripada penilaian dan peperiksaan akhir semester.

9.1.2 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
80 - 100	A	4.00	Lulus Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Lulus Kepujian
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	Lulus
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	Gagal

- 9.1.3 Senat boleh menentukan gred dan nilai gred yang berlainan daripada yang dinyatakan pada kaedah 9.1.2 bagi mana-mana program mengikut keperluan program berkenaan.
- 9.1.4 Tertakluk kepada peruntukan dalam kaedah ini, pelajar yang tidak melengkapkan atau mengikut mana-mana penilaian atau menduduki peperiksaan akhir yang ditetapkan dalam sesuatu kursus hendaklah diberi Gred E bagi keseluruhan penilaian bagi kursus tersebut.
- 9.1.5 Pelajar yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak pernah mengikuti kuliah dan sebarang penilaian hendaklah diberi status 'X' dengan nilai Gred 0.00.

9.2 Kod Status Tanpa Nilai Gred

9.2.1 Kod dan takrifan status tanpa nilai gred adalah seperti berikut;

TL	:	Tidak Lengkap
SM	:	Sedang Maju
AU	:	Audit
TD	:	Tarik diri
TP	:	Tangguh peperiksaan
X	:	Tidak Hadir sebarang penilaian
XX	:	Berkaitan Tata tertib (Akademik)
L	:	Lulus
G	:	Gagal
UG	:	Ulang Gred
UM	:	Ulang Mata Pelajaran
UK	:	Ulangan Khas

9.2.2 Takrifan Status yang diberikan tanpa nilai adalah seperti berikut;

- (a) **'TL'** (Tidak Lengkap) diberikan dengan kebenaran Dekan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 50% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar diberi tempoh melengkapkan tugas tersebut tidak lewat daripada dua (2) minggu selepas peperiksaan akhir semester tersebut untuk mendapat penilaian penuh dan gred;
- (b) **'SM'** (Sedang Maju) diberikan kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi jam kredit baginya hanya dikira untuk penentuan jam kredit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Jam kredit dikira bagi maksud pengiraan jumlah jam kredit setelah gred diperolehi pada semester berikutnya;
- (c) **'AU'** (Audit) diberikan kepada pelajar yang mendaftar kursus audit.

- (d) **'TD'** (Tarik Diri) diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus.
- (e) **'TP'** (Tangguh Peperiksaan) diberikan kepada pelajar yang diluluskan untuk menangguhkan peperiksaan.
- (f) **'XX'** (Tindakan Tatatertib) diberikan kepada pelajar yang sedang dalam tindakan tatatertib mengenai kesalahan bagi kes-kes kecurangan akademik. Jika disabitkan kesalahan kursus berkenaan diberikan gred E. Jika tidak disabitkan kesalahan gred kursus diberikan berdasarkan markah yang diperolehi.
- (g) **'X'** diberikan kepada pelajar yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikuti kuliah dan sebarang penilaian. Gred kursus berkenaan akan diberikan nilai Gred 0.00.
- (h) **'L'** diberikan kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kursus tetapi kursus berkenaan tidak mempunyai apa-apa nilai gred. Pelajar yang lulus dalam kursus tersebut diberikan status L.
- (i) **'G'** diberikan kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kursus tetapi kursus berkenaan tidak mempunyai apa-apa nilai gred. Pelajar yang gagal dalam kursus tersebut diberikan status G.
- (j) **'UG'** (Ulang Gred) diberikan kepada pelajar yang mendapat gred C- ke bawah kecuali Program Perakaunan.
- (k) **'UM'** (Ulang Mata Pelajaran) diberikan kepada pelajar yang gagal kursus wajib dan perlu mengulang kursus tersebut.
- (l) **'UK'** (Ulangan Khas) peperiksaan yang diadakan untuk pelajar tahun akhir untuk tujuan pengijazahan.

BAHAGIAN 10- PURATA NILAI GRED

10.1 Pengiraan PNGK Dan PNGS

- 10.1.1 Semua kursus akan diambil kira bagi menentukan PNGS dan PNGK pelajar.
- 10.1.2 Kursus-kursus yang mendapat gred "E" dan status "X" juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 10.1.3 Penjanaan PNGK pelajar yang mengulang kursus yang gagal adalah dengan menggantikan nilai gred kursus asal kepada nilai gred baru, yang mana lebih baik, dan hendaklah dibuat tanpa mengubah PNGS bagi semester kursus asal diambil. Perubahan PNGK akan dibuat pada semester semasa kursus ulangan diambil.

10.2 Kaedah Pengiraan Purata Nilai Gred

10.2.1 Pengiraan Purata Nilai PNGS adalah seperti berikut;

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah nilai gred sesuatu semester}}{\text{Jumlah jam kredit bagi semua kursus pada semester semasa}}$$

10.2.2 Pengiraan Purata Nilai PNGK adalah seperti berikut;

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah nilai gred semua semester}}{\text{Jumlah jam kredit terkumpul bagi semua semester}}$$

BAHAGIAN 11- STATUS PENGAJIAN PELAJAR

11.1 Status Pengajian Yang Diberikan Kepada Pelajar

L	:	Lulus dan Meneruskan Pengajian
P	:	Tempoh Percubaan
LB	:	Lulus Bersyarat
GB	:	Gagal dan Berhenti

11.2 Lulus

11.2.1 Pelajar diberi status lulus jika mendapat PNGK 2.00 dan ke atas. Bagi pelajar program perubatan, status lulus diberikan jika mendapat PNGK 3.00 dan ke atas.

11.2.2 Pelajar yang diberi status lulus, layak untuk meneruskan pengajiannya.

11.3 Tempoh Percubaan

11.3.1 Pelajar yang berada dalam semester pertama, tahun pertama pengajiannya yang mendapat PNGK di bawah 2.00 hendaklah diberi status Tempoh Percubaan.

11.3.2 Pelajar semester pertama tahun pertama yang diberi status Tempoh Percubaan, layak meneruskan pengajiannya.

11.3.3 Kaedah 11.3 ini tidak terpakai kepada pelajar program perubatan.

11.4 Lulus Bersyarat

- 11.4.1 Pelajar akan diberi status Lulus Bersyarat (LB) jika mendapat PNGK di antara 1.00-1.99 pada mana-mana semester sepanjang pengajiannya tetapi tidak termasuk semester pertama tahun pertama pengajian.
- 11.4.2 Pelajar dibenarkan meneruskan pengajiannya tetapi hanya dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada lima belas (15) jam kredit.
- 11.4.3 Walau apa pun ketetapan dalam kaedah 11.4.2, Dekan boleh mempertimbangkan pelajar untuk mengambil lebih daripada lima belas (15) jam kredit . Walau bagaimanapun, jumlah jam kredit secara keseluruhan yang diambil oleh pelajar pada semester berkenaan hendaklah tidak melebihi lapan belas (18) jam kredit.
- 11.4.4 Kaedah 11.4 ini tidak terpakai kepada pelajar program doktor perubatan.

11.5 Gagal Dan Berhenti

- 11.5.1 Pelajar akan diberikan status Gagal dan Berhenti (GB) jika—
- mendapat PNGK di bawah 2.00 dua (2) semester berturut-turut tidak termasuk semester pertama tahun pertama;
 - mendapat PNGK kurang daripada 1.00 pada mana-mana semester pengajiannya tidak termasuk semester pertama tahun pertama;
 - bagi pelajar program perubatan, ia mendapat PNGK di bawah 2.50 tidak termasuk semester pertama pengajian.
- 11.5.2 Pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti akan hilang status dan terhenti sebagai seorang pelajar.
- 11.5.3 Pelajar Doktor Perubatan yang mendapat PNGK di antara 2.50 dan 2.99 perlu untuk mengulang tahun dan sekiranya masih gagal mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 akan diberikan status gagal dan diberhentikan.
- 11.5.4 Pelajar Program Doktor Perubatan akan diberi status gagal dan diberhentikan jika gagal peperiksaan profesional 1 selepas 2 kali mengulang

11.6 Tarik Diri Dan Diberhentikan Dari Pengajian

- 11.6.1 Pelajar akan diberi status tarik diri dan diberhentikan dari pengajian jika-
- tidak dapat menghabiskan pengajiannya dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.
 - tidak mendaftar dalam 2 semester berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti.

- (c) menarik diri daripada meneruskan pengajiannya.
- (d) dibuang dari Universiti atas tindakan tatatertib.

11.7 Rayuan Meneruskan Pengajian

- 11.7.1 Pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti mengikut kaedah 11.5.1 boleh membuat rayuan kepada Senat mengikut syarat-syarat berikut:
 - (a) rayuan dibenarkan sekali sahaja sepanjang pengajian;
 - (b) pelajar hendaklah membayar yuran pemprosesan sebanyak RM100.00 yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (c) mendapat kebenaran Dekan untuk merayu dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh keputusan status Gagal dan Berhenti pelajar diumumkan;
- 11.7.2 Dekan, setelah menerima rayuan berkenaan hendaklah membawa rayuan itu kepada Jawatankuasa Akademik peringkat Fakulti/Pusat sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Senat.
- 11.7.3 Senat boleh dalam mempertimbangkan rayuan seseorang pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti dengan-
 - (a) membenarkan pelajar untuk meneruskan pengajian, pelajar itu hendaklah mendaftar pada semester berikutnya dan bukan pada semester di mana rayuan dikemukakan. Walau bagaimanapun, semester di mana rayuan dikemukakan itu hendaklah tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada pengiraan tempoh pengajian maksimum;
 - (b) membenarkan pelajar itu untuk meneruskan pengajian sama ada kekal dalam Program/Fakulti/Pusat yang sama atau perlu bertukar ke Program/Fakulti/Pusat lain yang ditentukan oleh Senat; atau
 - (c) menolak rayuan itu.
- 11.7.4 Pelajar boleh memohon perpindahan jam kredit jika bertukar ke Program/Fakulti/Pusat yang lain tertakluk dengan Peraturan/Garis Panduan yang berkenaan.
- 11.7.5 Keputusan Senat di bawah kaedah 11.7.3 adalah muktamad dan tidak boleh dirayu semula.

BAHAGIAN 12- PENGURNIAAN IJAZAH SARJANA MUDA**12.1 Syarat Pengurniaan Ijazah**

- 12.1.1 Pelajar mestilah memenuhi semua syarat dan keperluan Universiti seperti berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian.
- (a) lulus semua kursus dan melengkapinya dengan jumlah jam kredit yang ditetapkan mengikut keperluan Fakulti/Pusat yang telah diluluskan oleh Senat dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (b) mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 atau bagi pelajar program doktor perubatan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 3.0;
 - (c) menyempurnakan tempoh minimum yang ditetapkan bagi program pengajiannya;
 - (d) lulus MUET sekurang-kurangnya Band 3 atau purata Gred C dalam kursus Bahasa Inggeris sahaja; dan
 - (e) bagi pelajar perubatan, lulus peperiksaan professional 1 dan 2 dengan purata markah minima 50% dan lulus penilaian klinikal dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan; dan
 - (f) diperakukan oleh Senat.

12.2 Syarat Pengurniaan Ijazah Posthumus

- 12.2.1 Senat boleh menganugerahkan Ijazah Posthumus kepada pelajar yang telah meninggal dunia semasa masih dalam pengajian.
- 12.2.2 Penganugerahan Ijazah Posthumus ini tertakluk dengan syarat-syarat berikut;
- (a) pelajar telah memenuhi sekurang-kurangnya 75% keperluan pengajian.
 - (b) Pelajar hendaklah mendapat PNGK 2.00 dan ke atas pada setiap semester sepanjang tempoh pengajian yang telah dilalui.
- 12.2.3 Senat boleh memberikan pengecualian terhadap syarat-syarat yang dinyatakan pada kaedah 12.2.2.

12.3 Pengelasan Ijazah

- 12.3.1 Pelajar yang layak dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian diberikan taraf pencapaian akademik mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	KELAS
3.67 - 4.00	Kelas Satu
3.00 - 3.66	Kelas Dua : I
2.00 - 2.99	Kelas Dua : II

- 12.3.2 Pelajar program perubatan layak dikurniakan Ijazah Doktor Perubatan diberikan taraf pencapaian akademik seperti berikut:
- (a) PNGK 3.7 -4.0 dan mendapat minima 70% dalam setiap peperiksaan profesional I dan II akan dikurniakan Doktor Perubatan dengan Kepujian;
 - (b) PNGK 3.0 – 3.6 dan lulus peperiksaan profesional akan dikurniakan Doktor Perubatan

BAHAGIAN 13- PERUNTUKAN PENGECUALIAN DAN PERALIHAN

13.1 Tafsiran

- 13.1.1 Dalam Bahagian ini-

“Peraturan yang dimansuhkan” ertinya Peraturan Pengajian Prasiswazah yang dimansuhkan di bawah kaedah 1.2.1.

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh kaedah ini mula berkuat kuasa.

13.2 Kesahan Tindakan Oleh Universiti

- 13.2.1 Apa-apa kelulusan dan tindakan Senat di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat di bawah kaedah ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

13.3 Hak, Dsb. Pihak Berkuasa Dan Pegawai Universiti Tidak Terjejas

- 13.3.1 Segala hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, turun kepada dan disifatkan sebagai hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah kaedah ini.
- 13.3.2 Segala aku janji yang diberikan oleh, dan perkara yang belum selesai di hadapan Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dijalankan oleh atau diteruskan di hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah kaedah ini.
- 13.3.3 Segala tanggungan sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti di bawah kaedah ini.

13.4 Kuasa Yang Diwakilkan

- 13.4.1 Segala kuasa yang diwakilkan di bawah Peraturan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, setakat yang perwakilan itu selaras dengan kaedah ini, disifatkan telah diwakilkan di bawah kaedah ini.

13.5 Kecualian Peraturan, Dsb.

- 13.5.1 Semua peraturan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa yang dikeluarkan atau dibuat oleh Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang Peraturan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa selaras dengan, atau sehingga diganti atau dibatalkan oleh, peruntukan ini.

13.6 Pelajar Universiti

- 13.6.1 Pelajar yang sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan telah diterima masuk untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti di bawah Peraturan yang dimansuhkan dan, pada tarikh yang ditetapkan masih lagi mengikuti kursus pengajian hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah diterima masuk di bawah kaedah ini.

BAHAGIAN 14– AM

- 14.1 Kaedah ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat akan berkuat kuasa serta merta.
- 14.2 Sebarang garis panduan, manual dan kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat di bawah mana-mana peruntukan kaedah ini dan hendaklah dipatuhi.
- 14.3 Walau bagaimanapun, Senat berhak untuk mengubahnya dari masa ke semasa apabila keadaan memerlukannya.
- 14.4 Senat mempunyai kuasa membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Kaedah ini dari semasa ke semasa.

JADUAL 1
Subkaedah 9.1.3**FAKULTI KEJURUTERAAN**

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Kejuruteraan adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.67	
70-74	B+	3.33	Kepujian
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	
55-59	C+	2.33	Lulus
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.67	
40-44	D+	1.33	Subjek Lulus Bersyarat
35-39	D	1.00	
0-34	E	0.00	Gagal

- ii. Pelajar yang mendapat status Subjek Lulus Bersyarat (SLB) dan Gagal dikehendaki mengulang kursus-kursus tersebut. **(Pindaan Mesyuarat Senat 2/2015)**.
- iii. Jadual markah dan status bagi Latihan Industri bagi program Kejuruteraan adalah seperti berikut: **(Pindaan Mesyuarat Senat 1/2016)**.

- a. Status Penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Status
1	90-100	Lulus Cemerlang
2	50-89	Lulus
3	0-49	Gagal

- b. Elemen penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Keterangan
1	Lulus Cemerlang	Markah 90% dan keatas i. Laporan prestasi yang cemerlang daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
2	Lulus	Markah 50%-89% i. Laporan prestasi yang memuaskan daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.

Bil	Markah	Keterangan
3	Gagal	Markah Gagal 49% ke bawah i. Gagal melapor diri ke Organisasi semasa tempoh Latihan Industri. ii. Laporan prestasi yang tidak memuaskan daripada Penyelia Industri. iii. Tidak menghantar Laporan Teknikal kepada Penyelia Industri dan Penyelia Akademik. iv. Tidak menjalani tempoh Latihan Industri yang dikehendaki. v. Tidak mendapat kelulusan Penyelia Industri atau Penilai Akademik atas sebab-sebab tertentu.

FAKULTI KOMPUTERAN DAN INFORMATIK

- i. Jadual markah dan status bagi Latihan Industri bagi dua (2) program iaitu HC00 dan HC05 sehingga pengambilan kohot Sesi pengajian 2015/2016 adalah seperti berikut: **(Pindaan Mesyaurat Senat 1/2016)**

- a. Status Penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Status
1	90-100	Lulus Cemerlang
2	50-89	Lulus
3	0-49	Gagal

- b. Elemen penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Markah	Keterangan
1	Lulus Cemerlang	Markah 90% dan keatas i. Laporan prestasi yang cemerlang daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
2	Lulus	Markah 50%-89% i. Laporan prestasi yang memuaskan daripada Penyelia Industri dan Penilai Akademik ii. Menghantar Buku Log Harian kepada Penyelia Industri untuk semakan dan ditandatangani. iii. Penghantaran Laporan Teknikal dan Buku Log Harian kepada Penilai Akademik.
3	Gagal	Markah Gagal 49% ke bawah i. Gagal melapor diri ke Organisasi semasa tempoh Latihan Industri. ii. Laporan prestasi yang tidak memuaskan daripada Penyelia Industri. iii. Tidak menghantar Laporan Teknikal kepada Penyelia Industri dan Penyelia Akademik. iv. Tidak menjalani tempoh Latihan Industri yang dikehendaki. v. Tidak mendapat kelulusan Penyelia Industri atau Penilai Akademik atas sebab-sebab tertentu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Perakaunan adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.67	
70-74	B+	3.33	Kepujian
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	
55-59	C+	2.33	Lulus
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.67	Gagal
40-44	D+	1.33	
35-39	D	1.00	
0-34	E	0.00	

- ii. Gred dan nilai gred yang peruntukan dalam Jadual di atas adalah khusus bagi Kursus Teras program Perakaunan dan hanya terpakai kepada pelajar yang pengkhususan utamanya ialah program Perakaunan.

FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

- i. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi program Doktor Perubatan adalah seperti berikut:

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
80 - 100	A	4.00	Lulus Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Lulus
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	Gagal
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah pada 20 Mei 2014.